

Newspaper	Sinar Harian
Date	6/3/2011

Orang Melayu masih perlu dibantu

Segelintir usahawan Melayu berjaya, tetapi majoriti tidak mampu bersaing dengan usahawan bukan Melayu



• Dr Mahathir pada Majlis Jamuan Amal 2011 Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Negeri Kedah di Dewan Wawasan, Jitra, malam kelmarin.

JITRA - Orang Melayu masih memerlukan bantuan kerajaan kerana dasar ekonomi digubal untuk membantu mereka masih belum mencapai matlamatnya.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun terdapat segelintir usahawan Melayu berjaya, tetapi majoritinya tidak mampu bersaing dengan usahawan bukan Melayu.

"Masa belum tiba untuk kerajaan menghentikan bantuan kepada orang Melayu kerana dasar ekonomi sekarang belum mencapai matlamat.

"Tongkat ini (bantuan kerajaan) bila diguna berkali-kali akan lemah, tetapi itulah satu-satunya kuasa yang ada untuk membantu mereka," katanya ketika

berucap pada majlis makan malam amal Persatuan Kontraktor Melayu Kedah (PK-MMK) di Dewan Wawasan di sini.

Dr Mahathir berkata, kontraktor Melayu masih bergantung kepada kerajaan kerana pihak swasta kuyang memberikan tender atau projek kepada mereka.

"Sekarang ini, ramai kontraktor Melayu tidak menerima kontrak," katanya sambil menasihatkan mereka supaya membaiki kelemahan dan menjaga nama supaya tidak tercemar untuk mendapat kepercayaan bangsa asing.

Menurutnya, kelemahan utama usahawan Melayu adalah dari segi pengurusan kewangan dan mereka perlu belajar dalam perkara ini untuk berjaya.

Menurutnya, kajian menunjukkan

bangsa Melayu tidak berminat memberikan projek kepada bangsa sendiri kerana masalah itu.

Katanya, bidang francais adalah peluang pemiagaan mudah mendapat untung tetapi masih terdapat Bumiputera gagal dalam bidang ini.

"Mereka gagal kerana tidak cekap menguruskan kewangan. Yang cekap urus akan mendapat pulangan besar dan yang tidak pandai akan rugi," katanya.

Hadir sama, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak dan Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia, Datuk Mokhtar Samad.

Kutipan disumbangkan kepada rumah anak yatim dan pusat pengajian Islam di Kedah. - Bernama